

B521:  
MAHATHIR-ISLAM

1982

79

KUALA LUMPUR, 19 FEB. ((BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN HARI INI TOHMAH DAN FITNAH YANG DILEMPARKAN OLEH PARTI LAWAN TERHADAP UMNO KONONNYA IA TIDAK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ISLAM DAN UMATNYA DI NEGARA INI SUDAH SAMPAI KE TAHAP YANG MERBAHAYA BAGI AGAMA ISLAM.

TANPA MENYEBUT PARTI YANG DIMAKSUDKAN, PERJANA MENTERI BAGAUMANAPUN MENYERU ANGGOT-ANGGOTA UMNO SUPAYA JANGAN DIPENGE-  
RUHI OLEH EMOSI DALAM MENGHADAPI FITNAH-FITNAH TERSEBUT KERANA  
+AKIBATNYA NANTI PERPECAHAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI AKAN LEBIH  
MENDALAM.+

BERUCAP MERASMIKAN KURSUS BAGI PARA PEGAWAI PENERANGAN UMNO DI IBUPEJABAT UMNO DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA MEMANDANGKAN BETAPA SERIUSNYA KEADAAN SEKARANG, ANGGOTA-ANGGOTA UMNO PERLU BERUSAHA MENENANGKAN KEADAAN.

KATANYA MEREKA PERLU BERUSAHA MENARIK ORANG-ORANG YANG MEMBUAT FITNAH ITU KE JALAN YANG BENAR DAN SUPAYA MENJADI UMAT ISLAM YANG BAIK.

+SEBAGAI PARTI ISLAM YANG TERBESAR DI NEGARA INI, KITA PERLU BERDAKWAH KEPADA MEREKA. INI PERLU KERANA JIKA KITA DENGAR UCAPAN-UCAPAN DAN FITNAH MEREKA, JELASLAH MEREKA SUDANG MENYELEWENG JAUH DARIPADA AJARAN ISLAM,+ TEGASNYA. --BERSAMBUNG 1150/1B

B524

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN, MENEGASKAN BAHAWA TUJUAN UMNO BERBUAT DEMIKIAN BUKANLAH UNTUK 'MENGKAFIRKAN' MEREKA TETAPI HANYA UNTUK MEMBERI PENERANGAN SUPAYA MEREKA BALIK KEJALAN BENAR.

80

"JIKA MEREKA BALIK KEJALAN YANG BENAR TETAPI TIDAK MAHU MENYERTAI PERJUANGAN KITA (UMNO), INI TIDAK MENGAPA ASALKAN MEREKA TIDAK HILANG AGAMA MEREKA SEMATA-SEMATA KERANA MENCARI KERUSI DALAM DEWAN," TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA SEBAGAI UMAT ISLAM DAN JUGA SEBAGA PARTI ISLAM YANG TERBESAR, UMNO PERLU MEMANDANG SERIUS TUGAS INI DAN MESTI MENGETAHUI CARA UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN YANG SEBENAR BUKAN SAJA TERHADAP MEREKA YANG SUDAH TERKELIRU DENGAN DAKYAH PARTI LAWAN TETAPI JUGA TERHADAP 'PENDAKYAH -PENDAKYAH YANG BURUK INI' SUPAYA DITARIK KEJALAN YANG BENAR.

BELIAU MENEGASKAN PERKARA INI SEMAKIN LAMA SEMAKIN PENTING DAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MEMPUNYAI TUGAS YANG BESAR UNTUK MEMBERULKANNYA.

BELIAU BAGAIMANAPUN, BERHARAP ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK AKAN MELATAH DAN DIPERNGARUHI EMOSI BILA BERHUKAH KERANA KHUATIR INI NANTI BOLEH MELIBATKAN KITA SENDIRI DALAM PERBUATAN YANG SAMA DENGAN MEREKA LAKUKAN'.

BERSAMBUNG -1210/OM

80

MAHATHIR-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TUJUAN DAN PERJUANGAN UMNO IALAH UNTUK MENCAPI KEBENARAN SELARAS DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PARTI ISLAM YANG TERBESAR DAN TERUTAMA DINEGARA INI.

"TETAPI DALAM PADA ITU JUGA MASIH TERDAPAT PIHAK YANG BERTANYA JIKA UMNO PARTI ISLAM, MENGAPA KERAJAAN TIDAK DITADBIRKAN SECARA ISLAM.

"PIHAK -PIHAK INI JUGA MENDAKWA BAHAWA TIDAK TERDAPAT SEBARANG KERAJAAN ISLAM ATAUPUN NEGARA ISLAM DI DUNIA INI MELEMAHKAN UMAT ISLAM.

BELIAU BERKATA ADA JUGA SETENGAH -SETENGAH PIHAK ANG MENDAKWA KONONNYA TAFSIRAN ISLAM YANG SEBENARNYA MESTILAH MENURUT DAN BERSASARKAN PENDAPAT MEREKA "SEOLAH-OLAH MEREKA SAJA YANG SEMPURNA SEDANGKAN SEMUA MENGETAHUI BAHAWA MANUSIA ITU TIDAK SEPI DARIPADA KESALAHAN".

BELIAU MENEGASKAN UMNO TIDAK BERBUAT SEDEMIKIAN KERANA SEBAGAI PARTI ISLAM, TUJUANNYA IALAH MENCARI JALAN UNTUK MEMBERULKAN UMAT ISLAM. -- BERSAMBUNG - 1224/OM

B531

MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERASA AMAT HAMPA WALAUPUN ISLAM MENYERU KEPADA PERPADUAN DAN PERSAUDAAN UMMAH, ADA ORANG YANG MENGAKU PEJUANG ISLAM YANG MENYERU KEPADA PERBALAHAN SEBAGAI CARA UNTUK MENENTUKAN 'MANA YANG BENAR.'

'TUJUAN SERUAN KEPADA PERBALAHAN INI IALAH UNTUK MENGKHIANATI UMAT ISLAM KERANA PERBALAHAN AKAN MELEMAHKAN KITA SEMUA.' 'KATANYA.

BELIAU BERKATA TUGAS UMNO, SELAIN DARI MEMBANGUNKAN NEGARA, IALAH Mencari jalan menyelesaikan masalah ini dan jalan yang harus dicari ialah dengan menjadikan mereka sebagai contoh.

'WALAUPUN MEREKA MENABURKAN FITNAH DAN BERKATA MACAM-MACAM, KITA TIDAK BERBUAT DEMIKIAN KERANA TUJUAN KITA IALAH Mencari perndamaian.

PERDANA MENTERI BERKATA BEREDASARKAN KESEDARAN INILAH BELIAU TIDAK LAMA DULU TELAH MENYATAKAN KESEDIAAN UMNO MENERIMA MEREKA TELAH JAU 'TERPISAH' ITU.

'KITA SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN BUKAN KERANA PERCAYA MEREKA ITU BETUL TETAPI Mencari perpaduan itu menjadi tugas utama kita sebagai umat Islam.

'MALANGNYA JEMPUTAN ITU DITOLAK BULAT-BULAT.' 'KATANYA.  
-- BERSAMBUNG -- 1232/OM

MB532:

MAHATHIR-ISLAM 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA QURAN ADA MENYEBUTKAN BAHAWA JIKA BERLAKU PEPERANGAN ANTARA DUA PIHAK ISLAM, TUGAS UMAT ISLAM IALAH Mencari penyelesaian. +TETAPI JIKA MANA-MANA PIHAK YANG BERPERANG ITU TIDAK MAHU MENERIMA PENYELESAIAN, KITA HARUS MEMERANGI PIHAK ITU. +

+BAGAIMANAPUN, KITA BELUM SAMPAI KE TAHAP INI DAN SEBALIKNYA KITA BERUSAHA UNTUK MEMUJUK MEREKA BALIK KE JALAN YANG BENAR DAN INI MENJADI TUGAS KITA KERANA KITALAH YANG MENJADI SASARAN FITNAH DAN TOHMAHAN MEREKA. + TEGASNYA.

KIRA-KIRA 300 ORANG PEGAWAI PENERANGAN UMNO DARI KESEMUA 114 BAHAGIAN UMNO DI SELURUH NEGARA MENYERTAI KURSUS TIGA HARI ITU. TURUT SAMA IALAH Pengerusi biro penerangan UMNO, DATUK SANUSI JUNID, YANG JUGA MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO. -- BERNAMA 1245/1B